

NOMBOR DAN ABJAD TERBALIK

Oleh

Sumiyati binti Abdul Halim Jikem

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan ke atas seorang murid yang mengalami masalah dalam kemahiran menulis iaitu hanya nombor dan abjad tertentu ditulis secara terbalik. Tindakan dalam kajian ini diambil setelah murid ini menduduki Ujian Diagnostik pada 24 Jun 2009 iaitu Ujian Diagnostik Bahasa Melayu (Praktik dan Tulisan) dan Ujian Diagnostik Matematik. Setelah membimbing dan mengajar murid ini selama lebih sebulan, murid ini menunjukkan perkembangan yang positif. Ini menunjukkan bahawa usaha yang dicurahkan memberikan hasil dan dapat membantu murid ini menulis dengan betul dan baik tanpa melakukan kesalahan.

1.0 Pengenalan

Pendidikan pemulihan khas merupakan satu langkah untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran terutamanya masalah Membaca, Menulis dan Mengira di sekolah-sekolah. Ott (1997) (dalam Rajesvari a/p Ramasamy, 2008) menyatakan bahawa kemahiran-kemahiran asas (membaca, menulis dan mengira) adalah penting untuk dikuasai oleh setiap individu dalam kurikulum pembelajaran di sekolah.

Program Pemulihan Khas telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) semenjak tahun 1960-an bagi membantu murid-murid di sekolah rendah yang menghadapi masalah khusus dalam pembelajaran iaitu menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira.

Secara umumnya, murid-murid pemulihan bukanlah yang mempunyai kecacatan akal atau terencat akal, tetapi mereka adalah murid-murid yang sering memperlihatkan taraf pencapaian yang tidak memuaskan dalam pelajaran mereka berbanding dengan taraf pencapaian purata rakan-rakan sebaya mereka (Kamaruddin Hj. Husin, 1988). Dalam era globalisasi ini, setiap individu bersaing untuk mencapai kejayaan. Namun, masih lagi individu yang tertinggal di belakang.

Syed Abu Bakar Syed Akil (1997) menyatakan bahawa pendidikan pemulihan khas amat penting dalam sistem pendidikan khas kerana terdapat hampir 20 peratus (%) daripada jumlah kanak-kanak terpaksa bersaing dengan kanak-kanak yang biasa atau cerdas untuk menguasai kemahiran-kemahiran yang perlu dicapai mengikut kehendak sukatan pelajaran yang sama. Dalam erti kata lain, pendidikan pemulihan adalah

merupakan langkah-langkah khas untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah pembelajaran di sekolah.

Pengendalian dan pelaksanaan program pemulihan adalah sesuatu yang begitu mencabar terutamanya kepada para guru. Mereka menempuh pelbagai cabaran untuk mendidik murid-murid dalam program pemulihan mereka yang sering kali memiliki masalah pembelajaran yang berbeza. Justeru, guru pemulihan khas memainkan peranan yang amat penting dalam membantu serta membimbing murid-murid pemulihan khas untuk menguasai masalah 3M. Guru pemulihan Khas juga berperanan penting dalam usaha untuk membantu murid-murid dari segi keadah, bahan bantu mengajar dan aktiviti-aktiviti yang kreatif dan inovasi yang amat bersesuaian dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (p&p).

1.2 Latar Belakang Kajian

Kelas-kelas pemulihan mempunyai kategori kanak-kanak yang berbeza-beza berdasarkan masalah yang dihadapi atau kemahiran-kemahiran pembelajaran yang belum dikuasai. Keadaan ini mewujudkan kemungkinan bahawa murid-murid ini menghadapi masalah pembelajaran yang tertentu.

Kebiasaannya, masalah murid-murid menulis nombor atau abjad terbalik sering dikaitkan dengan masalah disleksia. Umumnya, disleksia adalah sukar untuk dikenal pasti oleh seseorang guru. Hal ini adalah sedemikian kerana ada dalam kalangan murid-murid normal yang sering membuat kesilapan dalam mengeja dan membaca yang tidak jauh bezanya dengan kesilapan murid-murid yang mengalami disleksia (Rajesvari a/p Ramasamy, 2008).

Namun, kita harus mengenal pasti murid-murid yang mengalami disleksia dengan melihat ciri-ciri murid disleksia seperti berikut:

- kesukaran berbahasa
- ketidakseimbangan dengan kebolehan intelektual
- tidak lancar ketika membaca sesuatu bahan bercetak
- tidak dapat menulis dengan lancar dan tepat (kesukaran meniru tulisan dari papan hitam atau buku).
- mata mudah menjadi penat setelah beberapa minit menumpu perhatian kepada tulisan, dan
- daya tumpuan yang terhad (pendengaran dan pengamatan visual).

Dalam program pemulihan pula, didapati murid-murid pemulihan sering menghadapi masalah untuk menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira. Dalam kemahiran membaca, murid-murid pemulihan menghadapi masalah kesukaran untuk mengingat huruf selepas membaca. Beberapa ciri-ciri murid yang normal hampir sama dengan murid yang mengalami disleksia.

Hal sedemikian mungkin berlaku disebabkan murid kurang menumpukan perhatian dan juga mempunyai masalah pengamatan. Selain itu, murid pemulihan juga mempunyai perbendaharaan kata yang kurang atau terhad menyebabkan mereka menghadapi masalah dalam membina ayat mudah dengan betul.

Menurut Jamilah Ahmad (1999), program pemulihan dijalankan adalah untuk menampung keperluan murid-murid di dalam kelas biasa yang menghadapi masalah-masalah seperti berikut:-

1. Masalah pembelajaran akibat
 - a) Ketidaksuaian bahan dan teknik pengajaran guru
 - b) Sering tidak hadir ke sekolah
 - c) Cuai menjalankan aktiviti-aktiviti pembelajaran
 - d) Leka dan lambat

2. Masalah-masalah yang menghalang pembelajaran seperti
 - a) Masalah peribadi
 - b) Masalah psikologi
 - c) Kurang kecerdasan iaitu lambat berfikir dan bertindak, cepat lupa, sukar memahami dan lemah pengamatan.

Dalam kajian ini, kes yang difokus melibatkan seorang murid yang dinamakan Nurhaliza yang mempunyai masalah pembelajaran akibat daripada sering tidak hadir ke sekolah, leka, lambat dan juga kurang kecerdasan iaitu lambat berfikir dan bertindak, cepat lupa, sukar memahami dan lemah pengamatan seperti yang dinyatakan oleh guru pembimbing. Beliau merupakan murid yang lemah di dalam kelas yang perlu dipulihkan walaupun beliau tidak mempunyai sebarang masalah kecacatan akal atau terencat akal.

Jamilah Ahmad (1999) menyatakan bahawa murid-murid lemah dalam pembelajaran mempunyai ciri-ciri seperti berikut:

- a) Lambat menguasai sesuatu kemahiran yang diajar sama ada kemahiran lisan, bacaan mahupun penulisan.
- b) Lemah untuk mengubah alih pengetahuan kepada plebagai situasi pembelajaran.
- c) Lambat memastikan sesuatu perkataan sama ada dari segi sebutan mahupun maknanya.
- d) Lambat membentuk konsep.
- e) Kerap kali lupa akan perkara-perkara yang telah diajar.
- f) Tidak menunjukkan minat kepada aktiviti-aktiviti pembelajaran.
- g) Lemah pengamatan, penglihatan dan pendengaran.
- h) Suka bersendirian, mempunyai konsep yang negative
- i) Selalu ponteng dan mempunyai masalah tingkah laku.
- j) Pendiam, malu dan sukar untuk bertindak balas.

Oleh yang demikian, sebagai guru pemulihan, sebelum saya memulakan sebarang aktiviti, saya perlu menghayati matlamat utama pemulihan. Ini kerana setelah seorang guru memahami konsep dan mengetahui dengan jelas matlamat, maka guru akan lebih prihatin terhadap kelemahan murid-murid dalam pembelajaran dan lebih beriltizam terhadap tugas sebagai guru pemulihan khas.

1.3 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan ke atas Nurhaliza di SK XYZ. Beliau didapati menulis nombor dan abjad terbalik. Kajian ini member focus kepada Nurhaliza yang mana beliau diberi bimbingan dan perhatian semasa p&p. Kajian ini berlangsung daripada 6 Julai 2009 sehingga 12 Ogos 2009.

1.4 Fokus Kajian

Pada awal praktikum, saya telah menjalankan Ujian Diagnostik Bahasa Melayu (Tulisan dan Praktik) dan Ujian Diagnostik Matematik ke atas murid-murid di sekolah ini pada 24 Jun 2009. Hasil daripada penyemakan kertas ujian tersebut, didapati Nurhaliza, seorang murid Tahun 2E menulis nombor dan abjad secara terbalik seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1 dan 2.

UJIAN DIAGNOSTIK MA
SK ENCIK 1

KEMAHIRAN 2: MENGENAL NOMBOR 1 HINGGA 100

Arahan: Tulis nombor mengikut urutan yang betul.

Contoh:

15	16	17	18	19
----	----	----	----	----

1	2 ✓	3 ✓	4	5 ✓	6 ✓	7 ✓	8 ✓	9 ✓	10
11 ✓	12 ✓	13 ✓	14 ✓	15 ✓	16 ✓	17 ✓	18 ✓	19 ✓	20
21 ✓	22 ✓	23 ✓	24 ✓	25 ✓	26 ✓	27 ✓	28 ✓	29 ✓	30
31 ✓	32 ✓	33 ✓	34 ✓	35 ✓	36 ✓	37 ✓	38 ✓	39 ✓	40
41 ✓	42 ✓	43 ✓	44 ✓	45 ✓	46 ✓	47 ✓	48 ✓	49 ✓	50
51 ✓	52 ✓	53 ✓	54 ✓	55 ✓	56 ✓	57 ✓	58 ✓	59 ✓	60
61 ✓	62 ✓	63 ✓	64 ✓	65 ✓	66 ✓	67 ✓	68 ✓	69 ✓	70
71 ✓	72 ✓	73 ✓	74 ✓	75 ✓	76 ✓	77 ✓	78 ✓	79 ✓	80
81 ✓	82 ✓	83 ✓	84 ✓	85 ✓	86 ✓	87 ✓	88 ✓	89 ✓	90
91 ✓	92 ✓	93 ✓	94 ✓	95 ✓	96 ✓	97 ✓	98 ✓	99 ✓	100

Nombor "5" terbalik

Rajah 1: Tulisan nombor 5 terbalik

NAMA		25
TAHUN:		

Huruf "E" terbalik

Rajah 2: Huruf 'E' terbalik

Apabila diperhatikan dan selidik latar belakang Nurhaliza, didapati bahawa beliau merupakan seorang murid yang normal. Namun, masalah utama murid ini ialah beliau mempunyai ciri-ciri murid yang lemah dalam pembelajarannya.

Menurut Jamilah Ahmad (1999), murid lemah diertikan sebagai seorang murid yang gagal mencapai kemajuan pada tahap yang ditentukan berbanding dengan murid-murid lain di dalam kelasnya. Tahap pencapaian yang telah ditentukan oleh kurikulum ialah ketidakupayaan menguasai kemahiran yang telah ditentukan sebagai proses pembelajaran. Tambahan beliau, terdapat lima (5) ciri-ciri murid yang lemah. Antaranya ialah:

1. Aspek mental

- a) Lambat menguasai sesuatu kemahiran yang diajar sama ada kemahiran lisan, bacaan atau penulisan.
- b) Lemah atau lambat dalam mengubahsui pengetahuan mengikut bberbagai-bagai situasi pembelajaran.
- c) Lambat memahami atau memastikan sesuatu perkataan atau membentuk sesuatu konsep.

2. Aspek fizikal

- a) Selalu lupa tentang sesuatu perkara yang telah diajar.
- b) Lemah pengamatan, penglihatan dan pendengaran.
- c) Cepat letih

3. Aspek sikap

Tidak menunjukkan minat terhadap aktiviti-aktiviti p&p.

4. Aspek sosial

Suka bersendirian dan mempunyai konsep sendiri negatif.

5. Aspek emosi

Mempunyai masalah tingkah laku, malu tidak ketahuan dan cepat bosan.

Ciri-ciri lemah di atas telah ditunjukkan oleh Nurhaliza semasa beliau hadir di dalam kelas pemulihan. Beliau mempunyai cirri-ciri seperti lemah dari segi aspek mental dan juga fizikal. Namun, beliau memberi tindak balas yang positif apabila diminat membuat kerja di papan tulis ataupun pada lembaran kerja. Oleh yang demikian, didapati bahawa Nurhaliza perlu dibimbing, diberi motivasi dan juga diberi ransangan agar menjadi seorang murid yang cergas dan juga tidak lagi mempunyai ciri-ciri murid-murid yang lemah.

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini mempunyai objektif-objektif berikut iaitu:

- mengurangkan kesalahan menulis nombor dan abjad terbalik pada tahap yang maksimum; dan
- meningkatkan sifat sendiri yang positif terhadap diri Nurhaliza.

2.0 Perancangan Tindakan

Dalam mencapai dua objektif kajian di atas, perancangan dibuat secara tersusun dan rapi. Sebagai guru pemulihan khas, saya perlu merancang dan menyusun aktiviti pengajaran pemulihan seperti pemilihan dan aktiviti hendaklah berdasarkan kebolehan murid (Jamilah Ahmad, 1999). Selain itu, aktiviti hendaklah menekankan penggunaan bahan pelajaran yang membolehkan murid menggunakan semua derianya seperti latih tubi dan sebagainya. Saya merancang untuk meluangkan masa selama 10 minit setiap waktu Matematik (Setiap Isnin) dan Bahasa Melayu (Setiap Selasa) untuk bersamanya. Dalam masa 10 minit ini, Nurhaliza akan diberi bimbingan secara individu sehingga tempoh yang ditetapkan.

3.0 Pelaksanaan Tindakan dan Dapatan Kajian

Beberapa kaedah, pendekatan dan teknik yang sesuai digunakan untuk mencapai objektif kajian. Antaranya ialah:

3.1 Pendekatan Deduktif

Jamilah Ahmad (1999) menyatakan bahawa dalam pendekatan ini, sesuatu pembelajaran dimulakan dengan mempelajari peraturan-peraturan tertentu dan kemudian menganalisis hukum atau peraturan-peraturan melalui contoh-contoh seterusnya untuk mengaplikasikan peraturan yang diberi.

Dalam menggunakan pendekatan ini, Nurhaliza diberi latihan pada 6 Julai 2009 untuk menulis urutan A-Z huruf besar, A-Z huruf kecil pada 7 Julai 2009 dan juga nombor 1-10 pada 8 Julai 2009 secara berulang-ulang. Latihan-latihan seperti ini diberikan kerana untuk melatih Nurhaliza dengan urutan abjad dan nombor yang betul, walaupun beliau telah mengetahui urutannya. Nurhaliza perlu menyebut setiap nombor dan abjad yang ditulis olehnya sendiri semasa menulis. Namun, kadang-kadang beliau juga mudah lupa apabila diminta menyebut secara lisan. Apabila diminta menyebut abjad dan nombor secara rawak, beliau menunjukkan tindak balas yang lambat. Latihan-latihan seperti ini dapat meningkatkan daya ingatannya dengan mengingat abjad dan nombor yang ditulis.

3.2 Pendekatan main sambil belajar

Murid-murid yang lemah lebih suka bermain daripada belajar. "Main" merupakan satu ciri yang boleh mempertingkatkan kebolehan empati, menambahkan kepekaan murid terhadap proses interaksi dan menggalakkan keupayaan untuk menganalisis secara objektif.

Dalam pelaksanaan tindakan ini pada 13 Julai 2009, saya menggunakan bahan bantu mengajar seperti huruf A-Z dalam permainan "Cuba Teka Siapa Saya". Nurhaliza diminta untuk meneka setiap huruf yang ditunjukkan saya. Tujuan utamanya ialah untuk mengesan sama ada Nurhaliza dapat mengenal huruf dengan betul tanpa memikirkan abjad yang terbalik.

Adakalanya saya akan menterbalikkan huruf tersebut untuk melihat sama ada beliau dapat menjawab ataupun tidak. Hasilnya, Nurhaliza dapat meneka huruf terutamanya abjad “E” dengan baik.



Bahan Bantu Mengajar : A-Z



3.3 Teknik Latih Tubi

Teknik ini digunakan dalam pengajaran secara lisan sebagai latih tubi komunikatif. Saya menyebut perkataan dan meminta Nurhaliza mengulangnya beberapa kali sehingga beliau dapat menguasainya. Namun demikian pada 14 Julai 2009, pendekatan ini saya tambahkan dengan tulisan iaitu mengulang sebutan saya secara lisan dan memindahkannya kepada tulisan.

Hal ini sedemikian kerana tindakan ini akan meningkatkan daya ingatan Nurhaliza terhadap abjad dan nombor yang disebutkan. Jadi, Nurhaliza dapat menguasainya dengan lebih baik lagi. Latihan ini telah membolehkan beliau tidak lagi menulis abjad “E” dan juga nombor “5” terbalik seperti yang ditunjukkan pada gambar-gambar berikut.



3.4 Kaedah Pengulangan semasa Mengajar

Keadah ini melibatkan langkah-langkah pemulihan yang digunakan untuk membantu kanak-kanak disleksia. Namun demikian, pendekatan ini diaplikasi dalam tindakan saya dengan Nurhaliza kerana masalah yang dihadapi olehnya hampir sama dengan kanak-kanak disleksia.

Tindakan yang dilakukan ialah dengan mengulang latihan yang telah dibuat dan juga di dalam latihan tersebut mempunyai pengulangan untuk menulis abjad ataupun nombor. Ini bagi memastikan Nurhaliza mengingati apa yang dituliskannya. Latihan ini telah diadakan pada 15 Julai 2009, 21 Julai 2009, 22 Julai 2009, 27 Julai 2009, dan 28 Julai 2009.

Saya perhatikan bahawa bagi setiap pengulangan latihan ini, tulisan Nurhaliza semakin kemas dan cantik. Ini jelas dilihat pada gambar-gambar berikut.




3.5 Teknik menulis di udara

Teknik ini digunakan untuk mengesan sama ada Nurhaliza dapat mengingati nombor dan abjad yang telah ditulis olehnya sebelum ini. Teknik ini dilakukan pada 4 Ogos 2008 untuk mengesan sama ada Nurhaliza mengingati setiap bentuk abjad dan nombor. Di samping itu, teknik ini adalah untuk melatih Nurhaliza menguasai kemahiran menulis. Saya menyebut nombor dan abjad dan Nurhaliza akan menuliskannya di udara. Nampaknya latih tubi sebelum ini telah memberi kesan yang positif kepada Nurhaliza. Hal ini sedemikian kerana Nurhaliza berjaya menulis setiap nombor dan abjad yang disebutkan oleh saya dengan betul dan tepat. Ini menunjukkan satu perkembangan yang baik ke atas Nurhaliza.

3.6 Tracing

Teknik ini digunakan untuk membantu Nurhaliza menulis dengan urutan yang betul. *Tracing* ialah teknik menyalin bentuk-bentuk huruf mengikut urutan. Walau bagaimanapun, saya menggunakan papan tulis untuk membuat latihan ini. Hal ini sedemikian kerana ia dapat mengelakkan rasa bosan murid dalam p&p. Teknik ini dilakukan pada 5 Ogos 2009.

Semasa Nurhaliza menulis di papan tulis, dia kelihatan begitu seronok untuk menulis. Semakin seronok murid belajar semakin cepat mereka memahami pembelajaran mereka. Inilah yang ditunjukkan oleh Nurhaliza. Akhirnya, Nurhaliza dapat menyalin dengan urutan yang betul dan kemas. Gambar-gambar seterusnya menunjukkan Nurhaliza menggunakan teknik *tracing*.



Justeru itu, setelah beberapa pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan, Nurhaliza telah menunjukkan perubahan yang positif. Murid ini tidak lagi menulis nombor dan abjad secara terbalik. Ini jelas ketara apabila saya melihat perubahan yang berlaku pada Nurhaliza dari segi hasil kerjanya. Ini menunjukkan bimbingan individu dengan menggunakan pendekatan, kaedah dan teknik amat berkesan bagi Nurhaliza.

4.0 Refleksi

Setelah hampir dua bulan menjalankan kajian kes ini, pelbagai bahan bacaan dan juga cara untuk menangani masalah yang dihadapi untuk membentuk murid-murid pemulihan khas dengan lebih baik lagi diperolehi. Sebelum kajian ini dijalankan, pelbagai bahan bacaan telah dicari dan dibaca. Pencarian maklumat di internet dan perpustakaan dilakukan selepas waktu mengajar. Dalam mencari maklumat ini, barulah saya dapat membezakan antara murid yang normal tetapi lemah dalam pelajarannya dengan murid-murid yang mengalami masalah disleksia.

Sebagai guru pemulihan khas, kita perlu mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid untuk membantu kita memahami dan mendalami masalah mereka. Masalah-masalah ini memberi kesan yang negatif ke atas pembelajaran mereka. Di samping itu, kita juga dapat mencari teknik atau alternatif lain bagaimana untuk mengajar murid-murid pemulihan khas ini.

Selain itu, tunjuk ajar, maklumat dan bimbingan oleh guru pembimbing saya banyak membantu saya sebelum menjalankan kajian kes ini. Beliau banyak memberi maklumat tentang cara untuk berhadapan dengan murid-murid pemulihan yang mempunyai pelbagai tingkah laku masing-masing. Oleh yang demikian, setelah mendengar tunjuk ajar beliau, saya telah bersedia untuk menjalankan kajian tersebut.

Semasa menjalankan kajian kes ini, masalah utama yang dihadapi ialah Nurhaliza yang menghadapi kesukaran untuk belajar dan cepat hilang tumpuan. Perkara ini telah dibincangkan bersama dengan ibu Nurhaliza

pada sesi perjumpaan bersama dengan ibu bapa murid pemulihan khas yang diadakan pada 24 Julai 2009. Semasa perjumpaan ini, saya mengambil kesempatan untuk memahami apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh murid-murid di bawah kumpulan saya. Kesempatan ini juga saya gunakan sepenuhnya untuk bertanya dan berbincang kepada ibu Nurhaliza masalah-masalah pembelajaran yang dihadapi oleh anaknya. Maklumat yang saya perolehi dapat saya gunakan untuk mengajar Nurhaliza dengan lebih baik lagi.

Dalam proses p&p dalam kajian kes ini walaupun selama sepuluh minit (10 minit) sahaja bersama dengan Nurhaliza, murid ini cepat merasa letih apabila diminta untuk menulis abjad dan nombor secara berulang-ulang. Namun, motivasi telah diselitkan setiap sesi dalam meningkatkan minat murid ini dalam p&p. Akhirnya, Nurhaliza sudah dapat menulis dengan betul dan tidak terbalik lagi. Saya amat berpuas hati dengan diri sendiri dan Nurhaliza kerana dia berjaya mengatasi masalah untuk menulis nombor dan abjad terbalik. Usaha-usaha yang saya lakukan dapat membantu Nurhaliza dengan menggunakan pendekatan, teknik dan kaedah yang digunakan untuk membimbing murid-murid yang mempunyai ciri-ciri lemah ke atas pembelajarannya. Ia jelas berkesan juga ke atas Nurhaliza.

Bibliografi

- Jamilah Ahmad.(1999). *Panduan Pengajaran Pemulihan Bahasa Melayu KBSR & KBSM*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Buku Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas (Masalah Penguasaan 3M)*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamarudin Hj. Husin. (1993) . *Pedagogi 3: Penggunaan Psikologi dalam Bilik Darjah*. Selangor: Longman.
- Kamaruddin Hj. Husin. (1988). *Pedagogi Bahasa*.Selangor: Longman.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1992). *Siri Panduan Guru Kurikulum Baru Sekolah Rendah, Jilid 3: Asas Kemahiran Berbahasa KBSR*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rajesvari a/p Ramasamy. (2008). *Masalah Disleksia dalam Kalangan Murid-Murid Pemulihan di Sekolah Rendah, Pulau Pinang*. Dimuat turun daripada <<http://eprints.usm.my/9988/1>
- Syed Abu Bakar Syed Akil. (1997). *Bimbingan Khas Perkhidmatan Pendidikan Pemulihan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.